

Bajet 2017: Wujud ekonomi digital B40

Oleh **MUZDALIFAH MUSTAPHA**
ekonomi@utusan.com.my

PUTRAJAYA 6 Okt. - Mewujudkan platform ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan teknologi adalah antara pendekatan kerajaan bagi membantu kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dalam Bajet 2017.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah berkata, inisiatif tersebut adalah usaha kerajaan menyeragamkan agenda ekonomi digital agar dikongsi sama rata oleh semua peringkat masyarakat dan pelbagai sektor serta industri di negara ini.

Beliau percaya langkah itu sekali gus berupaya menyumbang 20 peratus perolehan daripada ekonomi digital kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

“Yang pasti sasaran kita dalam ekonomi digital ini dapat meningkatkan pendapatan hidup kumpulan B40, ia bukan hanya untuk sektor-sektor ekonomi.

“Inisiatif itu juga mengambil

kira apa yang rakyat mahu dan seiring dengan fokus kerajaan yang mana bajet adalah untuk rakyat keseluruhan,” katanya selepas majlis Anugerah Kecemerlangan Inovasi 2016 Berprestij Microsoft, di sini hari ini.

Yang hadir sama Naib Presiden Korporat Sektor Awam Sedunia Microsoft, Toni Tonnes Whitley.

Pada majlis itu, Kementerian Kewangan menerima pengiktirafan dan Anugerah Kecemerlangan Inovasi 2016 daripada Microsoft atas usaha berterusan dan cemerlang dalam menggerakkan agenda pendigitalan

dan menerapkan teknologi inovatif dalam perkhidmatan awam.

Malaysia pada 2014 telah menerima Anugerah Kecemerlangan e-Kerajaan oleh Microsoft berikutan kejayaan menggalakkan transformasi e-Government dalam perkhidmatan awam.

Mohd. Irwan Siregar berkata, kerjasama dengan Microsoft memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan serta perniagaan untuk meneruskan agenda strategik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).



MOHD IRWAN SIREGAR ABDULLAH



Yang pasti sasaran kita dalam ekonomi digital ini dapat meningkatkan pendapatan hidup kumpulan B40, ia bukan hanya untuk sektor-sektor ekonomi.”

MOHD. IRWAN SIREGAR ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

“Kami berhasrat untuk meneruskan perjalanan ini bersama Microsoft dengan memanfaatkan teknologi serta kepakaran mereka dalam mencapai matlamat transformasi digital negara,” katanya.

Sementara itu, Whitley berkata, matlamat Microsoft adalah untuk memperkasakan setiap orang dan organisasi di dunia khususnya membantu sektor awam ke arah pendigitalan.

“Kami telah berusaha gigih selama 25 tahun menjadi penasihat kepada kerajaan Malaysia, kami akan terus kekal komited ke arah memupuk kerjasama berasaskan pertumbuhan ekonomi, inovasi dan impak kemasyarakatan,” katanya.